

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- | | |
|---|--|
| <p>1 Hampir 12 peratus belia kini telah diisytiharkan _____ kerana kekurangan ilmu dalam perancangan kewangan.</p> <p>A sukar C tewas
B muflis D miskin</p> | <p>3 Sebelum dilantik, seseorang calon haruslah melepasi sesi _____ yang telah ditetapkan oleh pihak majikan.</p> <p>A janji temu C temu duga
B temu bual D temu lawak</p> |
| <p>2 Sesi _____ antara pemimpin negara semasa persidangan itu telah berakhir dengan penetapan beberapa dasar utama.</p> <p>A epilog C prolog
B dialog D monolog</p> | <p>4 Amran bercadang ingin memajukan kilang batik ayahnya dengan membeli beberapa buah mesin bagi menggantikan kaedah cantingan secara _____ sebelum ini.</p> <p>A nasional C vokasional
B tradisional D profesional</p> |

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Pada setiap hari Rabu, semua murid wajib menjalani latihan ko-kurikulum.

- 2 Seseorang yang mampu bertutur dalam dewibahasa akan lebih mendapat keutamaan bagi mengisi kekosongan jawatan yang ditawarkan.

- 3 Sebagai seorang guru perasekolah, Puan Mahani seorang yang sangat penyabar melayan kerenah murid-muridnya yang baru berusia lima tahun.

- 4 Puan Sri Datin Amar Salmah binti Ismail atau lebih dikenali sebagai Saloma merupakan salah seorang seni wati yang tersohor dalam bidang lakonan dan nyanyian.

- 5 Beberapa orang maha siswi dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang membuat lawatan sambil belajar ke Jepun telah dipilih untuk memperagakan baju kimono oleh pihak penganjur.
